



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

## TEKS UCAPAN

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

## SEMPENA

**MAJLIS PENYERAHAN BENDERA KONTINJEN  
WILAYAH PERSEKUTUAN KE SUKMA XXI  
SARAWAK DAN PELANCARAN LOGO BAHARU  
MAJLIS SUKAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**17 JULAI 2024**

**DEWAN SERBAGUNA  
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ  
وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفَ  
الْمَرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

### **SALUTASI AKAN DISEDIAKAN**

Assalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam  
Malaysia MADANI.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat berkumpul pada hari ini bagi menjayakan Majlis Penyerahan Bendera Kontinjen Wilayah Persekutuan ke SUKMA 21 Sarawak 2024 dan juga pelancaran logo baharu Majlis Sukan Wilayah Persekutuan.
  
2. Pada hari ini, saya amat berbesar hati kerana dapat bersama-sama atlet-atlet yang merupakan jaguh, hero dan heroin Wilayah Persekutuan ke SUKMA Sarawak yang akan

berlangsung pada 17 hingga 24 Ogos nanti.

**CHONG XIN LIN PEMBAWA BENDERA WANITA PERTAMA KONTINJEN WILAYAH PERSEKUTUAN**

Para hadirin sekalian,

3. Pada SUKMA ke-21 Sarawak kali ini, seramai 705 orang atlet telah disenarai pendek untuk mewakili kontinjen Wilayah Persekutuan. Saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan selamat berjuang buat semua jaguh-jaguh yang terpilih bagi mewakili kontinjen Wilayah Persekutuan.

4. Selamat bertugas juga saya ucapkan kepada 306 orang jurulatih dan para pegawai yang akan turut bersama-sama para atlet di Sarawak nanti.
5. Sempena SUKMA kali ini juga, perenang, Saudari Chong Xin Lin menjadi atlet wanita pertama dalam sejarah Wilayah Persekutuan sebagai pembawa bendera kontingen Wilayah Persekutuan di temasya SUKMA kali ini. Berikan tepukan kepada Chong Xin Lin! Wanita Boleh!

6. Saya difahamkan Chong Xin Lin telah melakar serta telah memperbaharui 2 rekod kebangsaan, iaitu acara 200 meter kuak lentang dengan rekod baru 2 minit dan 13.61 saat mengalahkan rekod lama yang juga milik beliau iaitu 2 minit dan 19.18 saat, serta acara 100 meter rampaian individu dengan mencatat rekod baharu iaitu 1 minit 2.77 saat pada Kejohanan Akuatik Renang *Short Course* Peringkat Kebangsaan pada 7 Julai 2024 yang lalu. Kejayaan Xing Lin ini secara tidak langsung mempamerkan kemampuan “Girl Power” dan saya yakin anda akan mampu merangkul pingat sebanyak mungkin dalam acara renang yang disertai nanti dan menjadi inspirasi

kepada atlet yang lain dalam meningkatkan pencapaian masing-masing.

## **SASARAN PINGAT**

**Para hadirin sekalian,**

7. Seperti kita semua sedia maklum, kontinen Wilayah Persekutuan adalah antara kontinen yang disegani kawawn dan digeruni lawan di pentas SUKMA. Sudah pasti ini adalah hasil pencapaian Wilayah Persekutuan yang terus konsisten berada di kedudukan lima terbaik sejak 16 tahun yang lalu, bermula dari SUKMA ke-12 di Terengganu pada tahun 2008 apabila kita menduduki tempat lima terbaik

sehingga ke SUKMA ke-17 di Perlis pada tahun 2014, apabila kita merangkul juara keseluruhan pada tahun tersebut. Tahniah!

8. Selepas kali terakhir memenangi juara keseluruhan pada SUKMA 2014, sudah semestinya, saya meletakkan harapan yang besar buat kontinjen Wilayah Persekutuan supaya dapat muncul kembali sebagai juara keseluruhan selepas 10 tahun menanti. Boleh atau tidak?
9. Saya pasti ramai di antara anda semua yang ada di hadapan saya ini menantikan, berapakah sasaran yang diletakkan buat kontinjen Wilayah Persekutuan pada kali ini.

10. Dengan ini saya mengumumkan bahawa kontinjen Wilayah Persekutuan menasarkan 70 pingat emas bagi memastikan kejuaraan milik Wilayah Persekutuan. Boleh?
11. Pencapaian kontinjen Wilayah Persekutuan pada SUKMA MSN 2022 yang lalu dan telah berjaya menduduki tempat ketiga dengan merangkul 55 pingat emas, 68 perak dan 64 gangsa, memberi keyakinan kepada saya untuk menetapkan sasaran ini. Saya yakin dengan kemampuan atlet-atlet kita dan percaya bahawa anda semua akan terus membawa kejayaan.

## **INSENTIF PEMENANG SUKMA**

**Hadirin sekalian,**

12. Sebagai pembakar semangat, saya ingin umumkan insentif kemenangan pada SUKMA kali ini.

Pertama, pingat emas: Bagi atlet individu, Jabatan Wilayah Persekutuan akan menyediakan insentif sebanyak RM 5,000.00. Bagi atlet berpasukan 3-5 atlet, insentif yang disediakan adalah sebanyak RM 4,000.00 serta berpasukan 6 dan ke atas, insentif sebanyak RM 3,000.00 disediakan.

Kedua, pingat perak: Bagi atlet individu, insentif yang disediakan

adalah sebanyak RM 2,000.00, berpasukan 3-5 orang atlet RM 1,500.00 serta berpasukan 6 dan ke atas, insentif sebanyak RM 1,000.00 disediakan.

Dan ketiga, pingat gangsa: Bagi atlet individu, kita sediakan insentif sebanyak RM 1,000.00, berpasukan 3-5 atlet sebanyak RM 700.00 serta berpasukan 6 dan ke atas sebanyak RM 500.00.

13. Saya juga ingin mengumumkan, perbezaan pada temasya SUKMA di Sarawak ini, jurulatih dan pengurus pasukan juga bakal memperolehi

insentif atas kejayaan sukan masing-masing.

14. Bagi jurulatih, kita sediakan RM 1,000.00 bagi setiap pingat emas bagi sukan individu. Sekiranya terdapat lebih jurulatih pada satu acara tersebut, cek akan diberikan atas nama seorang jurulatih yang telah disahkan oleh Ketua BPS. Untuk acara sukan berpasukan pula, kita sediakan RM 1,000.00 kepada jurulatih lantikan kontrak daripada MSWP manakala bagi acara berpasukan pula, jurulatih akan menerima RM 500.00 bagi setiap pingat emas yang diperolehi.

15. Kita juga menyediakan insentif untuk pengurus pasukan iaitu sebanyak RM 500.00 bagi setiap sukan yang mendapat pingat emas.
16. Dengan adanya insentif ini, saya berharap agar semua atlet, jurulatih dan pengurus pasukan kontinjen Wilayah Persekutuan akan lebih bersemangat dalam memastikan setiap matlamat untuk muncul juara dapat direalisasikan.
17. Saya juga mengharapkan kontinjen Wilayah Persekutuan dapat menyahut cabaran ini untuk muncul juara keseluruhan pada SUKMA kali ini. Jika kontinjen kita menjadi juara keseluruhan atau kedua keseluruhan,

insya-Allah kita akan sediakan insentif bonus kepada para atlet dan juga pegawai.

## **PENUTUP**

Para hadirin sekalian,

18. Berbaki kurang lebih sebulan sahaja lagi menuju ke temasya. Saya berharap agar anda semua dapat menjaga kesihatan dan berusaha sehabis baik untuk SUKMA pada kali ini.

19. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, mari kita sama-sama melaungkan sorakan. Saya sebut Wilayah Persekutuan, anda semua sebut Juara. Boleh?

Wilayah Persekutuan Juara!

Wilayah Persekutuan Juara!

Wilayah Persekutuan Juara!

Sekian, wabillahi taufik walhidayah  
wassalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.